

02 APR 1999

Pandithan-IPF

IPF AKAN KEKAL SEBAGAI LOYALIS BN, KATA PANDITHAN

KUALA LUMPUR, April 2 (Bernama) -- Barisan Progresif India (IPF) tidak akan menyertai atau bergabung dengan Parti Keadilan Nasional (KeADILan) yang dijangka dilancarkan oleh Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail Ahad ini, kata presidennya M.G.Pandithan.

"Kami akan terus menyokong Barisan Nasional (BN). Kami akan kekal setia dengan BN walaupun kami tidak berada di dalam BN," katanya apabila dihubungi hari ini.

Pandithan berkata walaupun permohonan IPF untuk menyertai BN masih belum diputuskan lagi, beliau optimistik ia akan lambat laun diterima.

"Kami sudah menunggu sudah lama dan akan terus menunggu. Kami masih berpendapat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) ialah orang yang wajar untuk memutuskan masa depan IPF," katanya.

Pandithan juga berkata beliau tidak dihubungi oleh KeADILan, sebuah parti berbagai kaum yang diketuai oleh Wan Azizah, isteri bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Nama asal KeADILan ialah Ikatan Masyarakat Islam yang ditubuhkan pada tahun 1990 dan diubah kepada Parti KeADILan pada mesyuarat luar biasanya baru-baru ini.

Pandithan juga berkata IPF tidak mempunyai rancangan untuk bergabung dengan mana-mana parti komponen BN, termasuk Parti Progresif Rakyat (PPP) atau MIC.

"Kami tidak akan bergabung kerana ia akan menimbulkan suasana yang tidak baik," katanya.

IPF, yang ditubuhkan pada tahun 1990, ialah anggota "Gagasan Rakyat", sebuah gabungan kendur parti-parti pembangkang, sehingga tahun 1995 apabila ia keluar daripada gabungan itu dan memohon untuk menyertai BN.

Bagaimanapun, permohonan mereka itu ditolak oleh BN dan rayuan dibuat.

Pandithan, bekas naib presiden MIC, juga berkata ia tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama dengan MIC dan presidennya Datuk Seri S.Samy Vellu.

"I sentiasa menghormati beliau (Samy Vellu) dan saya tidak pernah hilang hormat itu," katanya.

--BERNAMA

ES WAT